

# Cadang bina lebih banyak Struktur Sabo

BH- 22/7/2022 m/s: 3

## Usaha kurangkan impak dibawa banjir puing, arus deras selepas hujan lebat

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan bercadang membina lebih banyak 'Struktur Sabo' di seluruh negara, dalam usaha mengurangkan risiko banjir puing seperti mana yang berlaku di Baling, Kedah baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata Struktur Sabo dibina merentasi alur sungai, berfungsi menahan puing termasuk bongkah batuan, lumpur dan kayu-kayuan, sekaligus memperlahankan aliran air serta mengurangkan impak yang dibawa arus deras terutama selepas hujan lebat.

"Setakat ini Struktur Sabo sedang dibina di Yan, dan bakal dibina di Baling, Kedah, serta Janda Baik, Pahang dalam tempoh terdekat," katanya dalam kenyataan selepas mempengerusikan Mesyuarat Keempat Majlis Air Negara (MAN) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam.

Mesyuarat itu dihadiri Menteri Kabinet, Menteri Besar, Ketua Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ketua Jabatan serta Agensi yang berkaitan.

Ismail Sabri berkata, kerajaan juga menyediakan peruntukan besar RM393 bilion untuk mem-

perkasakan tadbir urus adaptasi perubahan iklim dengan tempoh pelaksanaan secara berfasa selama 50 tahun.

Daripada jumlah itu, katanya RM15 bilion diperuntukkan untuk pelaksanaan projek tebatan banjir mulai 2023 sehingga 2030.

### Tingkat penggunaan air bawah tanah

"Saya juga sudah mengarahkan Kementerian dan agensi terbabit meningkatkan penggunaan sumber air bawah tanah dan air hujan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap air terawat, termasuk bagi kegunaan di kawasan pedalaman, pengairan tanaman serta sistem kumbahan.

"Penggunaan sumber air alternatif yang murah dan mudah didapati ini perlu diambil kira dalam pembangunan infrastruktur serta bangunan baru seperti yang sudah dilaksanakan di kebanyakan negara bagi menjimatkan kos penggunaan air terawat," katanya.

Beliau berkata, penggunaan air bawah tanah di Malaysia ketika ini dilaporkan kurang daripada tiga peratus berbanding negara lain, biarpun negara mempunyai sumber air bawah tanah berkapasiti 5,000 bilion meter padu.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, mesyuarat juga mempertimbang dan bersetuju dengan tiga kertas pertimbangan iaitu Transformasi Sektor Air (WST) 2040, di mana pelan akan dilaksanakan di pelbagai peringkat melalui Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan WST 2040.

"Agenda WST 2040 menzahirkan komitmen kerajaan membangunkan sektor air negara bagi menjamin sekuriti dan kelestarian air selain menjadikan sektor

air sebagai pemangkin ekonomi negara," katanya.

Turut dipersetujui, katanya pengiktirafan Perkhidmatan Makmal Kualiti Air, Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) sebagai Makmal Forensik Penyelidikan Air, dengan Makmal Kualiti Air (MKA) di NAHRIM akan berfungsi sebagai pusat rujukan dalam menyelidik kejadian pencemaran badan air.

"Makmal ini sudah mendapat akreditasi MS ISO: IEC 17025, boleh menjadi alternatif kepada makmal Jabatan Kimia bagi forensik penyelidikan pencemaran air.

### Fasiliti bertaraf dunia

"MKA dilengkapi dengan fasiliti bertaraf dunia dengan kepakaran kompeten dan diiktiraf Institut Kimia Malaysia serta Majlis Juruanalisis Makanan Malaysia.

"Ia juga berkemampuan membuat analisa berkaitan pencemaran air merangkumi lebih 200 parameter kimia dan mikrobiologi," katanya, sambil menyatakan mesyuarat juga mempertimbang perkongsian Peta Hazard Banjir kepada awam.

"Maklumat peta hazard banjir menunjukkan kawasan kebarangkalian yang boleh dinaiki air berdasarkan peta guna tanah semasa dan akan datang. Amalan perkongsian peta hazard banjir turut dilaksanakan oleh negara lain seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom.

"Perkongsian peta ini membantu pihak berkepentingan dalam perancangan pembangunan seperti Rancangan Tempatan Daerah atau Rancangan Struktur Negeri serta perancangan penguurusan bencana banjir," katanya.